

“KEBAIKAN HATI MENERANGI RUMAHKU”



“Kebaikan” bermula dari rumah, “Kasih Sayang” bermula dari hati

Pertandingan Melukis dan Mewarna Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Malaysia

Butir-Butir Pertandingan dan Peraturan-Peraturan

Tempoh Pertandingan: 10 haribulan Mac 2026 – 15 haribulan Ogos 2026

1. Tujuan pertandingan:

Kata pepatah "Manusia dilahir dengan hati yang baik". "Kebaikan" adalah akar manusia. Dengan kemajuan zaman dan perkembangan sains dan teknologi, manusia beransur-ansur kehilangan persekitaran untuk meluahkan pemikiran, niat dan hati yang telus dan baik. Menerusi lukisan, kanak-kanak boleh menggabungkan "pemikiran serta niat yang baik" dan "warna" untuk menyampaikan kebaikan hati, kasih sayang dan kemesraan kepada orang ramai, agar dunia ini berubah kerana pemikiran dan niat yang baik.

2. Tema Karya:

Rumah adalah titik permulaan tumbesaran kanak-kanak.

Di sini, kanak-kanak belajar untuk menyayangi, memahami dan menghormati, menjadi berani dan membesar. Hidup dalam keluarga sejak kecil, setiap perbuatan yang baik, setiap kata-kata yang menyayangi, dan setiap saat kasih sayang dan mesra akan menanam benih budi baik dalam hati anak, membentuk karakter dan nilai anak. “Kebaikan” bermula dari rumah, “Kasih Sayang” bermula dari hati. Tindakan yang kelihatannya kecil, sebenarnya perbuatan baik yang besar. Peserta mendaftar melalui lukisan tangan berdasarkan tema "Kebaikan Hati Menerangi Rumahku", menggunakan alat lukisan untuk menyampaikan kasih sayang, kemesraan dan kekuatan.

3. Kategori Pertandingan: #Kesemuanya enam (6) Katergori

- Darjah 1 (7 tahun) - Tahun lahir 2019
- Darjah 2 (8 tahun) - Tahun lahir 2018
- Darjah 3 (9 tahun) - Tahun lahir 2017
- Darjah 4 (10 tahun) - Tahun lahir 2016
- Darjah 5 (11 tahun) - Tahun lahir 2015
- Darjah 6 (12 tahun) - Tahun lahir 2014

4. Permintaan Karya:

Kertas Lukisan - A3

Tiada sekatan ke atas medium penciptaan karya dan kebebasan kreatif adalah digalakkan; walaubagaimanapun, karya yang dihasilkan oleh kecerdasan buatan (AI) atau kaedah percetakan digital adalah **dilarang**.

5. Anugerah (Hadiah + Piala + Sijil):

* Kesemuanya Enam Kumpulan Darjah - Setiap kumpulan darjah berjumlah lima belas (15) hadiah :

(1) Hadiah Pertama: RM400, Hadiah Kedua: RM300, Hadiah Ketiga: RM250,
Hadiah Keempat: RM200, Hadiah Kelima: RM150,
Anugerah Kecemerlangan (9 pemenang): RM100

(2) Anugerah Paling Popular: Satu (1) Anugerah Populariti: RM100

Pemenang Hadiah Pertama, Kedua, Ketiga serta Anugerah Paling Popular bagi setiap Kumpulan Darjah akan menerima langganan keahlian premium selama tiga bulan yang ditaja secara eksklusif oleh Gan Jing World (akses percuma kepada filem GJW+ dan Gan Jing Campus)

6. Langkah-Langkah Pendaftaran:

1) Peserta melengkapkan karya dengan ciptaan lukisan sendiri mengikut tema.

2) Layari laman web rasmi pertandingan di <https://newworlddigital.com.my>, isikan maklumat peribadi anda dan muat naik imbasan hasil kerja anda dalam bentuk PDF. Selepas melengkapkan pendaftaran, peserta dikehendaki mencetak maklumat pengesahan pendaftaran yang dijana secara automatik dalam laman web pendaftaran dan menampalnya di belakang karya asal yang telah disiapkan.

3) Selepas melengkapkan Langkah (2) di atas, peserta dikehendaki melayari laman web rasmi Gan Jing World <https://www.ganjingworld.com/>, daftar akaun peribadi, cari halaman pertandingan hashtag # **善念点亮我的家园 (“#KEBAIKAN HATI MENERANGI RUMAHKU”)**, klik sertai sekarang, tangkap gambar karya anda, muat naik gambar anda dengan menulis penerangan ringkas (kira-kira 50 hingga 120 patah perkataan) bagi melengkapkan pendaftaran untuk Anugerah Paling Popular.

4) Pihak penganjur akan mengumumkan Senarai Short-Listed di laman web rasmi pertandingan dan halaman pertandingan hashtag # **善念点亮我的家园 (“#KEBAIKAN HATI MENERANGI RUMAHKU”)** pada 10 haribulan September 2026. Peserta Short-Listed dikehendaki menghantar hasil karya asal mereka ke pejabat pihak penganjur melalui pos pada atau sebelum 30 haribulan September 2026.

7. Tarikh Akhir Pendaftaran:

Tarikh akhir **pendaftaran secara berkumpulan**: 15 haribulan Julai 2026

Tarikh akhir **pendaftaran secara individu**: 15 haribulan Ogos 2026

Tarikh akhir pengiraan bagi **Anugerah Paling Popular**: 31 haribulan Ogos 2026

8. Tarikh Pengumuman Senarai Short-Listed dan Senarai Pemenang:

Senarai Short-Listed: 10 haribulan September 2026

Tarikh Peserta (Short-Listed) menghantar hasil karya asal: 11 haribulan September 2026 hingga 30 haribulan September 2026

Senarai Pemenang: 01 haribulan Oktober 2026

Pameran Seni: antara Oktober hingga November 2026 (akan diumumkan)

Tempat dan Masa Pameran Seni akan diumumkan oleh pihak penganjur di laman web rasmi

9. Kriteria penilaian:

(1) Kriteria Penciptaan Karya Seni: Komposisi 40%, Pematuhan Tema 30%, Penggunaan Warna 20%, Ekspresi Teknikal 10%

(2) Kriteria Penilaian Anugerah Paling Popular: Selain memenuhi "Kriteria Penciptaan Karya Seni", kriteria penilaian Anugerah Paling Popular akan berdasarkan kadar klik-tayang berkesan dan data interaksi halaman pertandingan hashtag #善念点亮我的家园 (“#KEBAIKAN HATI MENERANGI RUMAHKU”) di laman web rasmi Gan Jing World. Selepas pihak penganjur mengesahkan bahawa tiada trafik yang tidak normal, karya yang paling popular akan dipilih sebagai pemenang.

10. Syarat dan Permintaan penyertaan:

1) Karya mestilah karya asal dari peserta. Ibu bapa dan guru tidak dibenarkan melukis bagi pihak peserta, tetapi boleh mengambil bahagian dalam perbincangan kandungan tema dan bimbingan teknikal.

2) Peserta dikehendaki memberi penerangan ringkas bagi lukisan mereka menerusi perkataan (kira-kira 50 hingga 120 patah perkataan).

3) Sekiranya karya yang pernah menyertai pertandingan lain diterima oleh pertandingan berkenaan, ia tidak boleh digunakan untuk menyertai pertandingan ini.

4) Karya yang digunakan untuk menyertai pertandingan ini tidak boleh dijana oleh komputer AI, sekiranya disahkan, kelayakan penyertaan akan dibatalkan secara automatik.

5) Peserta hendaklah mematuhi **Langkah-Langkah Pendaftaran di Perkara (6): langkah (1) hingga (4)** bagi melengkapkan pendaftaran untuk menyertai pertandingan ini. Sekiranya tidak, peserta akan dibatalkan kelayakan secara automatik.

11. Maklumat untuk Peserta Short-Listed dan Pemenang:

1) Peserta Short-Listed akan menerima maklumat mengenai penghantaran karya seni mereka. Peserta Short-Listed mesti menghantar karya seni asal ke pejabat pihak penganjur melalui pos sebelum 30 haribulan September.

2) Pihak Penganjur akan mempamerkan karya seni Pemenang semasa Pameran Seni.

3) Pemenang akan dijemput untuk menghadiri Pameran Seni untuk menerima hadiah. Sekiranya tidak dapat hadir, pemenang mestilah memaklumkan kepada pihak penganjur, susulan itu, menghubungi pihak penganjur untuk menuntut hadiah fizikal dalam tempoh satu bulan dari tarikh Pameran Seni.

4) Semua karya penyertaan akan menjadi milikan pihak penganjur selepas pertandingan.

12. Hak Cipta:

Hak cipta karya adalah milik peserta.

Peserta bersetuju dan memberi kuasa kepada pihak penganjur untuk menggunakan hak cipta karya mereka untuk mempromosikan pertandingan #善念点亮我的家园 (#KEBAIKAN HATI MENERANGI RUMAHKU) dan pameran seni yang disusuli. Peserta tidak boleh mengemukakan sebarang bantahan, tuntutan atau tindakan undang-undang terhadap pihak penganjur mengenai penggunaan yang dinyatakan di atas.

Pihak penganjur tidak memikul sebarang tanggungjawab undang-undang yang disebabkan secara sengaja atau tidak sengaja oleh peserta.

Informasi berkenaan pertandingan adalah tertakluk kepada maklumat terkini di laman web rasmi.

Penganjur: NEW WORLD DIGITAL

Penganjur bersama: GAN JING WORLD (US)
BIG TOOTH SCHOOL (BTS)
PERSATUAN GURU-GURU SEKOLAH CINA PULAU PINANG

Penaja: VEECOTECH
BOLD MEDIA
KS ENGINEERING & SERVICES
(jemputan sedang dijalankan)

Disokong oleh: KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PENANG WOMEN'S DEVELOPMENT CORPORATION (PWDC)
ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG
(jemputan sedang dijalankan)

Laman web rasmi: <https://newworlddigital.com.my>

Laman web rasmi Gan Jing World: <https://www.ganjingworld.com/>

Halaman pertandingan hashtag #善念点亮我的家园

(“#KEBAIKAN HATI MENERANGI RUMAHKU”):



Hubungi (Tel): : 012-4052160 Cik Hayley / Cik Teoh

Hubungi (e-mel): : enquiry@newworlddigital.com.my



#善念点亮我的家园